

INSIDEN POKOK TUMBANG: LIABILITI PIHAK BERKUASA TEMPATAN MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG TORT

Fallen Tree Incidents: Local Authority Liability from the Perspective of Shariah and the Law of Tort

**Muhammad ‘Izzul Faez Abd. Rahman*,
Siti Zubaidah Ismail*#, Muhammad Hafis Bahari***

*Jabatan Syariah dan Undang-Undang,
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur.

*#(Corresponding author) e-mail: szubaida@um.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/syariah.vol34no2.5>

ABSTRAK

Insiden pokok tumbang dan mencederakan orang awam yang sering berlaku telah mencetuskan persoalan sama ada ianya adalah suatu kemalangan atau kecuaiian pihak berkuasa tempatan dalam menyelenggara pokok-pokok di kawasan awam. Artikel ini bertujuan meninjau isu ini daripada perspektif syariah dan perundangan tort untuk menentukan sejauh manakah wujud liabiliti pihak-pihak. Artikel ini menganalisis kerangka syariah dan perundangan tort dengan meneliti elemen kecuaiian, kewajipan penjagaan bagi memutuskan tanggungjawab pihak-pihak yang terlibat seperti pemilik harta dan PBT dalam insiden pokok tumbang. Hasil kajian mendapati bahawa PBT sememangnya bertanggungjawab ke atas hal ehwal keselamatan orang awam apabila terlibat secara langsung dalam tragedi pokok tumbang. Walaupun imuniti statutori wujud, ia tidak mutlak

dan boleh tergugur sekiranya PBT gagal mengambil tindakan munasabah selepas mengetahui risiko bahaya. Dari sudut syariah, pengurusan pokok oleh PBT adalah tuntutan yang berpaksikan prinsip Masalah Ammah (kepentingan awam) dan Daf' al-darar (mencegah kemudaratan). Prinsip Amanah menuntut PBT untuk peka dalam memantau pokok berisiko, kerana kegagalan bertindak selepas mengetahui adanya bahaya boleh mengakibatkan liabiliti. Perbincangan mengenai liabiliti pihak yang bertanggungjawab adalah penting dan signifikan bagi membolehkan penyelesaian dan langkah pencegahan yang pragmatik dapat dilaksanakan pada masa hadapan. Justeru, pengurusan dan penyelenggaraan tanaman pokok di kawasan awam yang efisien dapat menjamin keselamatan dan kesejahteraan awam sambil mengekalkan keindahan alam sekitar.

Kata Kunci: kecuaiian, pokok tumbang, pihak berkuasa tempatan, undang-undang tort, undang-undang tort Islam, kewajipan statutori

ABSTRACT

Incidents of falling trees causing injury to members of the public have raised questions as to whether such occurrences constitute unavoidable accidents or result from negligence on the part of local authorities in maintaining trees in public areas. This article examines the issue from the perspectives of Shariah and tort law to determine the extent to which liability may arise among the parties concerned. It analyses the relevant Shariah and tort law frameworks, with particular emphasis on the elements of negligence and duty of care in determining the responsibilities of parties such as property owners and local authorities in fallen-tree incidents. The findings indicate that local authorities bear responsibility for public safety where their functions and responsibilities are directly implicated in such incidents. Although statutory immunity may be available, such immunity is not absolute and may not apply where a local authority fails to take reasonable action after becoming aware of a foreseeable risk of harm. From a Shariah perspective, the management and maintenance of trees by local authorities are grounded in the principles of Masalah 'Ammah (public

interest) and Daf' al-Darar (prevention of harm). The principle of Amanah (trust and accountability) requires local authorities to exercise due vigilance in monitoring potentially hazardous trees, as failure to act upon knowledge of a danger may give rise to accountability. Examining the liability of the responsible parties is therefore important in facilitating pragmatic preventive measures and appropriate solutions. Effective management and maintenance of trees in public and private areas are essential to safeguarding public safety and well-being while preserving environmental and landscape values.

Keywords: *negligence, fallen trees, local authorities, tort law, Islamic law of tort, statutory duty*

PENDAHULUAN

Kejadian pokok tumbang di kawasan awam boleh terjadi ekoran ribut petir, angin kuat dan hujan lebat. Kebanyakan pokok tumbang berpunca daripada akarnya yang sudah lemah untuk mencengkam tanah atau batang pokoknya yang sudah reput dan tua. Ada juga insiden di mana dahan patah akibat angin kencang atau dipanah petir. Hujan serta ribut turut menyebabkan struktur tanah menjadi lembap dan menyebabkan akar pokok menjadi tidak stabil. Malang sekali jika pokok itu tumbang dan menimpa orang awam serta menyebabkan kerosakan harta benda. Banyak kejadian telah dilaporkan di media massa termasuk kejadian yang menyayat hati apabila satu keluarga meninggal dunia akibat dihempap pokok tumbang di Janda Baik pada bulan Ogos 2026.¹ Tahun lepas juga berlaku di Persiaran Dutamas pada Oktober tahun lalu di mana seorang lelaki meninggal dunia apabila keretanya dihempap pokok tumbang selepas hujan lebat di ibu kota.² Kejadian yang sama menimpa seorang lagi lelaki ketika hujan lebat di Batang Kali.³ Akhbar juga turut memaparkan berita seorang penunggang p-hailing meninggal dunia

¹ Norfarhiza Mohd Atar, "Tragedi pokok tumbang: jenazah Mohd Radzi, tiga ahli keluarga selamat dikebumi," *KOSMO Online*, 4 Ogos 2026, <https://www.kosmo.com.my/2026/08/04/tragedi-pokok-tumbang-jenazah-mohd-radzi-tiga-ahli-keluarga-selamat-dikebumi/>, diakses 1 September 2026.

² Safeek Affendy Razali, "Lelaki maut, wanita cedera akibat pokok tumbang di KL," *Berita Harian Online*, 22 Oktober 2025, <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1462042/lelaki-maut-wanita-cedera-akibat-pokok-tumbang-di-kl>, diakses 11 Januari 2026.

³ Fareez Azman, "Pemandu maut, pacuan empat roda dihempap pokok tumbang," *Buletin TV3*, 20 Oktober 2025, <https://www.buletintv3.my/nasional/pemandu-maut-pacuan-empat-roda-dihempap-pokok-tumbang/>, diakses 11 Januari 2026.

akibat dihempap pokok.⁴ Apabila insiden sebegini berlaku, mangsa terpaksa menanggung kecederaan dan kerugian harta benda. Justeru timbul persoalan adakah ia suatu kemalangan kerana faktor cuaca yang tidak menentu boleh mengundang pelbagai bahaya seperti dahan patah dan pokok tumbang. Bolehkah mangsa menuntut sebarang gantirugi dan sejauh mana pihak berkuasa tempatan boleh dipertanggungjawabkan kerana pokok tumbang di kawasan awam yang berada di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan. Artikel ini bertujuan untuk menjawab persoalan berkenaan sejauhmanakah liabiliti itu wujud dengan mengambil kira sudut pandangan syariah dan undang-undang tort.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan doktrinal undang-undang bagi menganalisis sejauh mana wujud liabiliti pihak berkuasa tempatan dalam insiden pokok tumbang dari perspektif syariah dan undang-undang tort. Data kajian diperolehi menerusi kajian kepustakaan melibatkan sumber primer seperti statut dan penghakiman kes-kes yang berkaitan. Sumber sekunder seperti artikel jurnal, buku, dan bahan akademik turut digunakan untuk menyokong analisis perundangan dan perspektif syariah. Analisis dilakukan terhadap prinsip kecuaihan yang merangkumi kewajipan penjagaan dan liabiliti pihak-pihak serta sebarang pembelaan seperti *act of God* dan imuniti statutori. Dari sudut syariah pula, prinsip berkaitan pencegahan kemudaratan, kepentingan awam dan tanggungjawab pihak berkuasa dianalisis bagi menilai keselarasannya dengan prinsip dalam undang-undang tort.

PRINSIP SYARIAH MENGENAI TANGGUNGJAWAB PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Dari perspektif *siasah syar'iyah*, kuasa pemerintahan bukan sekadar memberikan autoriti kepada pihak berkuasa untuk menjalankan tadbir urus yang baik, tetapi datang bersekali dengan amanah dan tanggungjawab untuk menjaga keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta menghindarkan kemudaratan yang boleh dijangka. Prinsip ini berasaskan kepada kaedah fiqh berikut iaitu:

⁴ Meor Riduwan Meor Ahmad, "Penunggang p-hailing maut, pemandu cedera dihempap pokok tumbang," *Buletin TV3*, 6 Disember 2025, <https://www.buletintv3.my/nasional/penunggang-p-hailing-maut-pemandu-cedera-dihempap-pokok-tumbang/>, diakses 11 Januari 2026.

تَصَرَّفُ الْإِمَامُ عَلَى الرَّعِيَّةِ مُنَوِّطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

“Tindakan pemerintah ke atas rakyat mestilah terikat dengan maslahat.”⁵

Prinsip ini meletakkan kepentingan dan keselamatan awam sebagai pertimbangan utama dalam pembuatan keputusan dan pelaksanaan kuasa pemerintahan. Dalam konteks pentadbiran daerah, pihak berkuasa tempatan merupakan sebahagian daripada jentera pemerintahan yang diberikan kuasa dan tanggungjawab untuk menguruskan kemudahan awam, persekitaran dan keselamatan kawasan yang di bawah pentadbiran. Pengurusan pokok dan lokasi penanaman dalam kawasan perbandaran kini bukan lagi sekadar isu teduhan, lanskap atau keindahan bandar semata-mata, tetapi melibatkan juga keadaan pokok yang berpotensi menjejaskan keselamatan masyarakat. Menjaga keselamatan awam dan mengelak mudarat adalah tuntutan syarak. Ini selari dengan kaedah fiqh (الضرر يزال) *“kemudaratan hendaklah dihilangkan”*.⁶ Justeru, sekiranya pihak berkuasa dapat mengesan kewujudan pokok yang mengalami kerosakan struktur seperti condong melebihi sudut selamat, akar reput akibat penyakit, atau dahan mati yang boleh dikategorikan sebagai *ḍarar* yang berisiko, maka tindakan yang wajib seperti menebang atau memangkas perlu dilakukan segera.⁷ Justeru, pencegahan ini menjadi lebih penting apabila pihak berkuasa mengetahui mengenai sesuatu risiko seperti menerima aduan masyarakat, pemeriksaan pokok, kejadian terdahulu atau maklumat lain yang menunjukkan tindakan sewajarnya perlu diambil.

Menjaga keselamatan awam, mengurus risiko dan mengelak mudarat adalah tuntutan syarak yang berpaksikan hadith Rasulullah SAW:⁸

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

“Tidak boleh melakukan mudarat dan tidak boleh membalas mudarat.”

⁵ Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān al-Ṣuyūṭī, *al-Ashbah wa al-Nazā’ir fī Qawā’id wa Furū’ Fiqh al-Shāfi’i* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1983), 121.

⁶ al-Ṣuyūṭī, *al-Ashbah wa al-Nazā’ir fī Qawā’id wa Furū’ Fiqh al-Shāfi’i*, 86.

⁷ Arni Nadhirah Abdul Hadi et al., *Local Authority Jurisdiction and Liability on Tree* (Pulau Pinang: School of Housing, Building and Planning, Universiti Sains Malaysia, 2015).

⁸ Mālik Ibn Ānas, *al-Muwattā’*, vol. 2 (n.p.: Mu’assasah al-Risālah, 1412 AH), 467, ḥadīth no. 2895.

Meskipun penanaman pokok di pinggir jalan mempunyai *masalah* yang baik dari sudut kelestarian alam, nilai estetika, dan pengurangan suhu, namun impak *mafsadah* (kerusakan) sekiranya ia tumbang dan meragut nyawa adalah lebih besar, khususnya pokok tua yang tinggi dan bercabang-cabang. Maka, aspek mitigasi risiko bahaya wajib diberikan keutamaan berbanding mengekalkan nilai estetik pokok tersebut. Kaedah fiqh menegaskan:

درء المفاسد مقدم على جلب المصالح

*"Menolak kerosakan didahulukan daripada mengambil masalah"*⁹

Ini bermakna kepentingan yang perlu didahulukan ialah keselamatan awam dan mengelak risiko berbanding dengan pertimbangan estetika atau manfaat lanskap dalam menceriakan bandar. Tanggungjawab dan amanah pihak berkuasa diperingatkan oleh Baginda Rasulullah SAW menerusi sabdanya iaitu:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

*"Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan dipertanggungjawabkan terhadap kepimpinan kamu."*¹⁰

Dari aspek *siasah syar'iyah*, pihak berkuasa tempatan (PBT) merupakan ejen pemerintah untuk menguruskan hal ehwal perbandaran. Antara tanggung jawab PBT ialah melakukan penilaian impak risiko dan memangkas pokok yang berbahaya demi mengelak sebarang kejadian yang tidak diingini. Berasaskan prinsip *masalah ammah* (kepentingan awam), PBT bertanggungjawab memastikan pokok-pokok teduhan yang bermasalah tidak menjadi ancaman.

Dari aspek liabiliti pula, persoalannya bilakah kegagalan PBT mengurus pokok sehingga ia tumbang boleh membawa kepada wujudnya liabiliti? Dalam konteks pengenaan tanggungan, perbincangan dibuat dalam ruang lingkup *taqṣir* yang merujuk kepada kecuai, kekurangan atau kegagalan seseorang melaksanakan kewajipan

⁹ Muḥammad Muṣṭafā al-Zuhaylī, *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah wa Taṭbīqātuhā fī al-Madhāhib al-Arba'ah* (Dimashq: Dār al-Fikr, 2006), 238.

¹⁰ Abū Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn min Kalām Sayyid al-Mursalin*, taḥqīq 'Abd Allāh bin 'Abd al-Muḥsin al-Turkī (Bayrūt: Mu'assasat al-Risālah, 2010), ḥadīth no. 283.

penjagaan yang sepatutnya dilakukan.¹¹ Bagi PBT, *taqṣir* boleh diujahkan berlaku bukan kerana PBT itu sendiri yang menumbangkan pokok, tetapi kerana terdapat kegagalan melaksanakan amanah pengurusan dan langkah pencegahan yang sewajarnya. Kegagalan ini berlaku apabila terdapat tanda bahaya yang telah dikenal pasti menerusi pemeriksaan, wujud aduan mengenai pokok berisiko yang tidak diambil tindakan atau tindakan penyelenggaraan yang diperlukan tidak ditangani. Oleh itu, *taqṣir* di pihak PBT boleh dikatakan wujud apabila ada amanah dan kewajipan menjaga keselamatan, wujud risiko yang diketahui dan dijangka dan kegagalan mengambil langkah yang munasabah. Aspek pembuktian pula mestilah mengaitkan faktor hubungan yang jelas tentang hubungan sebab-akibat (*‘alaqah sababiyyah*) kegagalan PBT dengan insiden berkenaan. Setelah semua elemen itu terbukti, liabiliti boleh dikenakan dan seterusnya membawa kepada pengenaan *daman* (gantirugi)

PRINSIP KECUAIAN MENURUT UNDANG-UNDANG TORT

Kecuaian merupakan asas utama dalam menentukan liabiliti PBT bagi insiden pokok tumbang. Secara umum, sesuatu tuntutan kecuaiian memerlukan pembuktian kesemua elemen kecuaiian di pihak PBT selaku defendan. Pembuktian diperlukan bahawa defendan mempunyai kewajipan penjagaan (*duty of care*), berlaku pelanggaran kewajipan tersebut (*breach of duty*) dan pelanggaran itu menyebabkan kerugian (*damage*) dan kerosakan kepada plaintif.¹² Ketiga-tiga elemen ini mewujudkan hubungan sebab (*causation*) yang jelas terhadap kerugian yang dialami.¹³

Dalam menentukan kewujudan kewajipan penjagaan, antara pertimbangan penting adalah sama ada kemudaratan tersebut boleh dijangka secara munasabah (*reasonable foreseeability*), wujud kedekatan antara pihak-pihak dan pengenaan kewajipan itu adalah adil wajar dan munasabah.¹⁴ Bagi PBT, kewujudan kuasa dan fungsi statutori berkaitan pengurusan kawasan awam dan pokok adalah relevan dalam menilai skop tanggungjawabnya, tetapi kewujudan kuasa statutori tidak dengan sendirinya mewujudkan liabiliti tort.

Dalam konteks pokok tumbang, pelanggaran kewajipan boleh diujahkan timbul apabila PBT mengetahui atau sewajarnya mengetahui bahawa sesuatu pokok mempunyai

¹¹ Siti Zubaidah Ismail, *Pampasan Kecederaan Fizikal Akibat Kecuaian Menurut Perundangan Islam* (Kuala Lumpur: International Law Book Services, 2017).

¹² Lord Wright dalam kes *Lochgelly Iron and Coal vs McMullan* [1934] AC 1.

¹³ Untuk prinsip tort, lihat Siti Zubaidah Ismail, “Kecuaian Perubatan Menurut Undang-Undang Tort dan Autoriti Mengenainya dari Sudut Syariah,” *Jurnal Syariah* 19, no. 2 (2011): 133–162; W. V. H. Rogers, *Winfield and Jolowicz on Tort*, 15th ed. (London: Sweet & Maxwell, 1998).

¹⁴ *Overseas Tankship (UK) Ltd v Morts Dock & Engineering Co Ltd (The Wagon Mound No.1)* [1961] 1 All ER 404.

risiko yang boleh membahayakan orang awam tetapi gagal mengambil langkah penjagaan yang munasabah. Penilaian ini boleh mengambil kira keadaan pokok, rekod pemeriksaan dan penyelenggaraan, penerimaan aduan, tanda-tanda bahaya yang dapat dikenal pasti serta tindakan yang diambil setelah risiko diketahui. Walaubagaimanapun, PBT tidak bertanggung semata-mata kerana sesuatu pokok telah tumbang dan menyebabkan kerosakan. Pembuktian terletak pada plaintif untuk menunjukkan hubungan sebab-akibat antara kegagalan PBT mengambil langkah perlu dengan kerosakan yang berlaku. Sekiranya pokok tumbang akibat kejadian alam luar biasa yang tidak dapat dijangka walaupun penjagaan munasabah telah dilakukan, maka elemen kecuaiian mungkin tidak dapat dibuktikan.

KEWAJIPAN STATUTORI, KEWAJIPAN PENJAGAAN DAN PELANGGARAN KEWAJIPAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN TERHADAP TANAMAN AWAM

Pembangunan landskap merupakan salah satu nadi kepada pembinaan sesebuah kawasan. Proses ini termasuklah perancangan penyediaan fasiliti awam, pembinaan kediaman peribadi atau bangunan awam. Bandar yang baik semestinya mempergiatkan kerja-kerja memperindah tempat dengan penjagaan pokok-pokok sedia ada atau penanaman pokok-pokok hiasan. Tindakan ini penting demi memastikan keseimbangan kelestarian alam sekitar dan pembangunan bandar terus terjaga dan terpelihara. Dalam konteks ini, pihak berkuasa tempatan mempunyai Pelan Pengurusan Pokok Rendang dan Pelan Strategik Pengurusan Risiko Pokok Teduhan Kuala Lumpur 2024-2030. PBT juga mempunyai tanggungjawab statutori seperti yang digariskan dalam undang-undang seperti Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Pihak berkuasa tempatan merujuk kepada mana-mana Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah, mengikut mana-mana berkenaan. Dalam konteks Wilayah Persekutuan ialah Datuk Bandar Kuala Lumpur.¹⁵ Akta 171 adalah berkenaan pengurusan dan pentadbiran kerajaan tempatan, tempat awam, sungai, makanan, pasar, kebersihan, kacau ganggu, tempat perkuburan dan pengurusan mayat serta kuasa tambahan melibatkan pelesenan dan hukuman berdasarkan undang-undang subsidiari (peraturan-peraturan kecil) yang boleh digubal dan dilaksanakan oleh mereka sendiri. Melalui Akta ini, kuasa dan tanggungjawab diberikan kepada kerajaan tempatan dalam memastikan masyarakat setempat di suatu kawasan dapat hidup dengan aman, selesa dan sejahtera.

Urusan penanaman pokok boleh melibatkan isu perundangan seperti pelanggaran sempadan, kacau ganggu pemandangan, hak laluan atau ismen (*easement*), hartanah dan

¹⁵ Seksyen 4 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [Akta 190].

melibatkan pihak berkuasa tempatan, lebuhraya awam atau syarikat utiliti.¹⁶ Di Malaysia, tanggungjawab statutori dalam menguruskan dan menyelenggara pokok-pokok di kawasan awam terletak pada kerajaan tempatan (PBT). Ini berdasarkan seksyen 101 Akta 171 yang menjelaskan:

“101. Selain daripada apa-apa kuasa lain yang diberi kepada sesuatu pihak berkuasa tempatan oleh Akta ini atau oleh mana-mana undang-undang bertulis lain, sesuatu pihak berkuasa tempatan mempunyai kuasa bagi melakukan segala atau mana-mana daripada perkara yang berikut, iaitu:

d)

e) menanam, memangkas atau membuang pokok;

f) (i) membina, menyelenggara, menyelia dan mengawal taman awam, taman bunga, esplanad, taman rekreasi, padang permainan, taman permainan kanak-kanak, tempat terbuka, tempat bercuti, kolam renang, stadium, akuarium, gimnasium, pusat masyarakat dan bilik makan-minum;

(ii) memajak, memperolehi, menyewakan, menyusun atur, memajukan, melengkapkan, menyelenggara dan menanam pokok di tanah bagi maksud digunakan sebagai taman awam, taman bunga, esplanad, taman rekreasi, padang permainan, taman permainan kanak-kanak, tempat terbuka, tempat bercuti, kolam renang, stadium, akuarium, gimnasium dan pusat masyarakat dan mendirikan di atasnya apa-apa astaka, bilik rekreasi atau bilik makan-minum atau bangunan lain;

(iii) menanggung penyelenggaraan atau memberi sumbangan kepada tanggungan menyelenggara taman awam, kebun bunga, esplanad, taman rekreasi, padang permainan, taman permainan kanak-kanak, tempat terbuka, tempat bercuti, kolam renang, stadium, akuarium, gimnasium, pusat masyarakat dan pertubuhan atau institusi khairat, agama, pendidikan, sosial atau kebajikan;”

Berdasarkan subseksyen di atas, pihak berkuasa tempatan sememangnya mempunyai tanggungjawab dalam menyelenggarakan pokok-pokok yang terdapat di kawasan awam atau yang berada di tepi jalan atau taman awam.

¹⁶ Sally A. Roberts, “Trees and the Law,” 2013, <http://www.sallyrobertslegal.com/personal-injury-articles.htm>.

Dalam kes *Ahmad Jaafar Abdul Latiff lwn Datuk Bandar Kuala Lumpur*,¹⁷ Mahkamah Persekutuan memutuskan defendan iaitu pihak berkuasa tempatan berkewajipan untuk memastikan pokok-pokok berada dalam keadaan yang baik khususnya yang terdapat berdekatan dengan jalan raya yang boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna. Hakim berpendapat meskipun pokok tersebut berada dalam tanah persendirian, tetapi defendan tetap bertanggungjawab kerana kedudukan pokok tersebut yang berhampiran dengan jalan raya telah menyebabkan kemalangan kepada plaintif. Kewajipan statutori yang ada pada PBT ini ditegaskan oleh Mahkamah Persekutuan bahawa ia adalah kewajipan imperatif dan bukan budibicara serta mesti dilaksanakan sebelum risiko (pokok tumbang) berlaku. Di Sarawak, dalam kes *Hay Me Kian @ Francis Hay Eng Bee and Anor. lwn Dewan Bandaraya Kuching Utara*,¹⁸ Mahkamah Rayuan telah membenarkan tuntutan plaintif kerana defendan gagal memenuhi tanggungjawab statutori berdasarkan *City of Kuching North Ordinance 1988* dan *Public Parks and Greens Ordinance 1993*.

Mengenai persoalan sama ada wujud liabiliti kepada pihak berkuasa tempatan terhadap kemalangan yang berpunca daripada pokok yang tumbuh di kawasan persendirian atau tanah peribadi, sememangnya tanggungjawab asal terletak kepada tuan punya pokok atau pemilik kawasan itu sendiri, tetapi pihak berkuasa tempatan tetap mempunyai kewajipan statutori untuk memantau kerja-kerja penjagaan pokok. Ini selari dengan Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133) yang menyebut peranan mereka dalam memberi peringatan kepada pemilik-pemilik premis untuk memangkas pokok-pokok yang telah melangkaui sempadan persendirian serta berhak mengarahkan mereka untuk berbuat demikian sama ada dengan kos atau tidak, sesuai dengan arahan pihak berkuasa tempatan. Seksyen 36 Akta 133 menyatakan:

“Pagar tumbuhan dan pokok yang bersempadan dengan jalan hendaklah dipangkas.

(1) Pihak berkuasa tempatan boleh dengan notis secara bertulis menghendaki pemunya atau penduduk mana-mana tanah supaya memangkas atau menutup pagar tumbuhan di atasnya yang bersempadanan dengan mana-mana jalan supaya pagar tumbuhan itu tidak lebih daripada tujuh kaki tingginya daripada aras jalan, dan, mengenai pagar tumbuhan dalam lingkungan lima belas ela dari sesuatu sudut, tidak lebih daripada empat kaki tingginya daripada aras jalan itu, dan

¹⁷ [2014] MLJU 1873.

¹⁸ [2008] MLJU 19.

supaya memotong dan memangkas semua pokok atau dahan yang terjuntai atas mana-mana jalan.

(2) Jika pemunya atau penduduk tidak mematuhi notis itu dalam tempoh yang ditentukan dalamnya, pihak berkuasa tempatan sendiri boleh mengarahkan supaya kerja itu dilakukan dan menuntut kos dan belanjanya mengikut cara yang diperuntukkan kemudian daripada ini.”

Justeru, apabila suatu pokok atau dahannya telah melangkaui sempadan memasuki ruang awam atau jalan raya, pihak berkuasa tempatan mempunyai kewajipan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Dalam hal ini, jalan bukan merujuk kepada jalan raya semata-mata sebaliknya merangkumi apa-apa ruang yang menjadi “*right of way*”. Hakim dalam kes *Syaiful Amri Bin Matimbang (Suing as The Husband and Legal Dependent to Yulma bt Abdul Gafar) lwn Datuk Bandar Kuala Lumpur*¹⁹ telah merujuk kepada seksyen 2 Akta 176 iaitu:

“‘jalan’ termasuklah mana-mana jalan raya, dataran, laluan pejalan kaki, lorong, laluan perkhidmatan, sama ada merupakan laluan utama atau tidak, yang mana orang awam mempunyai hak laluan ke atasnya, dan juga laluan di atas mana-mana jambatan; serta turut merangkumi mana-mana jalan, laluan pejalan kaki atau lorong, laman terbuka atau lorong terbuka, yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan sebagai jalan masuk ke dua atau lebih pegangan, sama ada orang awam mempunyai hak laluan ke atasnya atau tidak; dan semua saluran, longkang dan parit di sisi mana-mana jalan hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada jalan tersebut.”

Dalam kes ini, plaintif mewakili isterinya yang meninggal dunia disebabkan dihempap dahan pokok sewaktu melalui suatu jalan persendirian menuju ke restoran, Hakim telah menegaskan “*street*” boleh merangkumi laluan di atas tanah persendirian jika orang awam mempunyai hak lalu lalang. Mahkamah juga merujuk kepada Akta 171 dalam melihat tindakan pihak berkuasa tempatan dalam memainkan peranannya dalam memantau dan mengambil tindakan terhadap pemilik-pemilik premis yang tidak menyelenggara pokok di halaman kawasan masing-masing sehingga mendatangkan bahaya kepada orang awam. Seksyen 101(cc)(i) Akta 171 menyebutkan:

¹⁹ [2025] 7 MLJ 180.

“(cc) menghendaki pemunya atau penduduk mana-mana premis melakukan mana-mana daripada perbuatan yang berikut:

(i) menghapuskan, merendahkan atau memangkas dengan memuaskan hati pihak berkuasa tempatan, mana-mana pokok, pokok renek, atau pepagar yang menganjur ke mana-mana jalan atau lebuhraya atau dengan apa-apa cara mengganggu lalu lintas di mana-mana jalan atau lebuhraya atau mengganggu mana-mana dawai atau kerja pihak berkuasa tempatan atau yang, pada pendapat pihak berkuasa tempatan, mungkin membahayakan keselamatan atau kesenangan awam dan jika sekiranya mana-mana pokok di premis persendirian tumbang melintang mana-mana jalan atau lebuhraya, pihak berkuasa tempatan boleh menghapuskan pokok yang tumbang itu dan belanja yang dilakukan hendaklah dipertanggungjawabkan pada pemunya atau penduduk premis itu dan dituntut daripadanya;”

Subseksyen ini jelas memperuntukkan kuasa kepada pihak berkuasa tempatan untuk mengarahkan empunya pokok memotong, memendekkan atau memangkas pokok atau dahannya yang telah menjulur ke jalan awam yang berisiko mendatangkan bahaya kepada keselamatan awam. Di samping itu, berdasarkan peruntukan ini juga membolehkan pihak berkuasa tempatan untuk memasuki premis bagi menguruskan pokok-pokok sedemikian dan berhak menuntut kos daripada pemilik. Oleh itu, jelaslah bahawa meskipun lokasi pokok berada dalam kawasan persendirian, pihak berkuasa tempatan masih mempunyai tanggung jawab menyelenggara tanaman-tanaman berkenaan demi kemaslahatan awam berdasarkan seksyen 101(c)(i),(ii),(iii) serta subseksyen (cc)(i) Akta 171 dan seksyen 36 Akta 133.

KEWAJIPAN TIDAK BOLEH DIWAKILKAN (*NON-DELEGABLE DUTY*)

Dalam konteks penebangan dan penyelenggaraan pokok, PBT boleh mengadakan kontrak dengan pihak ketiga untuk melaksanakannya. Namun, dari segi liabiliti, ia tertakluk kepada prinsip yang dikenali sebagai kewajipan yang tidak boleh diwakilkan. Kewajipan yang tidak boleh diwakilkan (*non-delegable duty*) ini merujuk kepada kewajipan yang kekal pada pihak (PBT) yang bertanggungjawab walaupun pelaksanaan sesuatu tugas telah diserahkan kepada kontraktor bebas. Berbeza dengan liabiliti vikarius yang lazimnya melibatkan pengenaan tanggungjawab majikan terhadap perbuatan pekerjanya, kewajipan tidak boleh diwakilkan ini adalah berasaskan kewajipan pihak berkenaan itu sendiri untuk memastikan langkah penjagaan yang sewajarnya dilaksanakan. Dalam

konteks pengurusan pokok, pelantikan kontraktor untuk menjalankan pemeriksaan, penebangan, pemangkasan tidak semestinya membebaskan PBT daripada tanggungjawabnya sendiri terhadap keselamatan awam hanya kerana PBT telah melantik kontraktor.

Dalam kes *Shiraz Mikael Khan bin Mohd Rafik Khan lwn Projek Lebuhraya Usahasama Bhd & Ors*,²⁰ Hakim menegaskan bahawa pihak berkuasa tempatan dan pihak kontraktor bertanggungjawab terhadap kecuaiannya dalam pengurusan risiko di mana pokok yang tumbuh di tepi lebuhraya telah menghempap kereta dan membahayakan nyawa plaintif. Dalam kes sebegini, meskipun pihak berkuasa tempatan tidak bertanggungjawab secara terus kerana peralihan tanggungjawab kepada pihak kontraktor atau mana-mana pihak yang dilantik, pihak berkuasa tempatan masih mempunyai peranan dan tanggungjawab hakiki memastikan keselamatan orang awam seperti peruntukan seksyen 101(g) Akta 176 yang dijelaskan diatas. Ini sesuai dengan yang diperuntukkan dalam Akta 176 berdasarkan seksyen 101(g) iaitu:

*“(g) menubuhkan, memperolehi, berdiri, membina, menyelenggara, membantu, memajukan, mengawal dan memberi dan menerima pemberian wang berkenaan dengan
(i) perpustakaan, balai seni lukis dan muzium awam;
(ii) taman bunga, taman binatang dan akuarium, di dalam atau di luar lingkungan kawasan pihak berkuasa tempatan:*

Dengan syarat bahawa pihak berkuasa tempatan boleh memutuskan bahawa pengurusan, pengaturan dan pengawalan am mana-mana institusi itu yang ditubuhkan atau diperolehi oleh pihak berkuasa tempatan hendaklah diletakhakkan pada dan dijalankan oleh orang yang dilantik oleh pihak berkuasa tempatan bagi maksud itu dari semasa ke semasa sama ada mereka itu anggota pihak berkuasa tempatan atau tidak;”

Sebelum itu, dalam kes *Palaniyee & Anor lwn Toh Whye Teck Realty Ltd & Anor*,²¹ mahkamah memutuskan bahawa defendan kedua bertanggungjawab terhadap kemalangan yang berlaku kepada plaintif atas kecuaiannya dalam mematuhi prosedur keselamatan ketika menebang pokok getah sehingga menghempap plaintif yang menyebabkan kematian, manakala defendan pertama iaitu majikannya bertanggungjawab secara liabiliti vikarius kerana defendan kedua menjalankan tugas rasminya di bawah pantauan defendan pertama. Berdasarkan peruntukan dan kes-kes berkenaan

²⁰ [2022] MLJU 213.

²¹ [1973] 1 MLJ 34.

menunjukkan bahawa pihak berkuasa tempatan masih boleh dipertanggungjawabkan dalam kes melibatkan kecuaiian yang disebabkan pihak kontraktor atau mana-mana pihak yang dilantik secara sah oleh pihak berkuasa tempatan dalam menjalankan fungsinya.

Dalam aspek penyelenggaraan pokok-pokok seperti penanaman, pemangkasan serta penebangan pokok-pokok, PBT juga perlu mendapat khidmat nasihat daripada para arboris (pakar pokok) dan ini selaras dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Landskap Negara.²² Pandangan daripada mereka adalah amat penting kerana tindakan terhadap pokok-pokok supaya pemilihan pokok dibuat secara tepat tanpa mengganggu aset tumbuhan negara.²³ Kriteria-kriteria pokok yang perlu diselenggarakan seperti pokok yang terlalu tua, akar dan batang pokok yang rapuh serta tumbuhan yang telah melangkaui sempadan seterusnya berisiko kepada orang di sekitarnya perlu dikenal pasti oleh PBT dan diambil tindakan dengan segera. Dalam kes *Thean Chew lwn The Seaport (Selangor) Rubber Estate Ltd*,²⁴ plaintif telah memfailkan tuntutan saman terhadap pemilik ladang getah atas kematian suaminya yang maut dihempap pokok getah. Pokok getah tersebut mempunyai penyakit *ustulina zonata*, yang menyebabkan pembusukan pada batang dan akar pokok seterusnya melemahkan struktur pokok dan menyebabkannya lebih mudah tumbang. Plaintif mendakwa kecuaiian defendan dalam menyelenggara pokoknya yang sudah berpenyakit dan berisiko membahayakan nyawa orang di sekitarnya. Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam memutuskan bahawa defendan bertanggungjawab kerana telah gagal menjalankan tanggungjawabnya dalam memastikan keadaan pokok-pokok getah di ladangnya dalam keadaan baik serta mengambil langkah-langkah bagi mengurangkan risiko pokok getah daripada tumbang.

Dalam kes *Shahrul Izewan Mat Husin lwn KPS-HCM Sdn Bhd (Defendan Kedua) dan Majlis Perbandaran Selayang (Defendan Pertama)*,²⁵ plaintif telah mengalami kecederaan teruk yang menyebabkannya lumpuh seluruh tubuh disebabkan dihempap pokok tumbang sewaktu menunggang motosikal. Pada peringkat bicara, hanya defendan kedua iaitu KPS-HCM Sdn Bhd sahaja yang bertanggungjawab sepenuhnya memandangkan syarikat kontraktor ini dipertanggungjawabkan untuk menyelenggara jalan raya dan kawasan rizab jalan. Peguam Defendan kedua memfailkan rayuan dengan

²² Jabatan Landskap Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

²³ Aset Tumbuhan Negara merupakan kelompok tumbuhan milik kerajaan yang diwartakan dalam Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 (Akta 167), Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313), Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 (Akta 634) dan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).

²⁴ [1960] 1 MLJ 166.

²⁵ [2018] 11 MLJ 481.

merujuk kes *Ahmad Jaafar Abdul Latiff v. Dato' Bandar Kuala Lumpur*,²⁶ yang mana Mahkamah Persekutuan meletakkan kewajipan kepada pihak berkuasa tempatan.

Penghakiman dalam kes *Ahmad Jaafar* juga menegaskan bahawa pihak berkuasa tempatan tidak boleh membebaskan diri sepenuhnya daripada liabiliti dan kewajipan mereka hanya disebabkan telah menyandarkan tugas tersebut pada pihak kontraktor. Dalam kes *Shahrul Izewan* ini, Mahkamah Tinggi Shah Alam mendapati bahawa kawasan jalan berkenaan merupakan *state road* dan *road reserve* tersebut berada di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan. Kegagalan Majlis Perbandaran Selayang menjalankan pemeriksaan dan mengambil tindakan pencegahan terhadap pokok yang berpotensi membahayakan pengguna jalan raya merupakan suatu pengabaian terhadap kewajipan statutori tersebut. Sehubungan itu, Mahkamah Tinggi membenarkan rayuan Defendan Kedua, mengetepikan keputusan Mahkamah Sesyen, dan memutuskan bahawa Defendan Pertama, iaitu Majlis Perbandaran Selayang turut bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kemalangan tersebut.

Dalam satu kes lain iaitu kes *Abdul Wahab bin Mat Rashid lwn Jurutera Daerah Jabatan Kerja Raya Daerah Kuala Kangsar & Ors*,²⁷ plaintif telah mengalami kecederaan serius seperti gegaran otak, patah tulang rusuk dan tulang selangka disebabkan motosikal yang ditunggangnya melanggar tiang elektrik dan pokok-pokok yang tumbang sewaktu perjalanan pulang daripada bekerja. Plaintif telah memfailkan tuntutan di mahkamah atas dakwaan kecuaiannya pihak berkuasa tempatan iaitu defendan dalam menjalankan tanggungjawabnya menyelenggara jalan raya. Walaupun pihak defendan telah berhujah bahawa kejadian tersebut berlaku disebabkan hujan lebat, Hakim telah menangkis hujah tersebut dengan menyatakan bahawa pihak berkuasa tempatan perlu sentiasa bertanggungjawab dalam menyelenggara kawasan jalan raya secara berterusan dari masa ke semasa untuk mengurangkan risiko kepada pengguna jalan raya. Oleh itu, Hakim Mahkamah Tinggi Taiping telah memutuskan bahawa defendan bertanggungjawab sepenuhnya atas kemalangan yang berlaku disebabkan kecuaiannya penyelenggaraan jalan raya oleh pihak defendan.

Sekiranya suatu pihak culas dalam menunaikan kewajipan yang dipertanggungjawabkan kepadanya, maka pihak tersebut perlu menanggung segala risiko dan implikasi yang berlaku disebabkan kecuaiannya dalam menjalankan tugas. Dalam kes *KHY Foods and Beverages Sdn Bhd lwn Plaza Mont' Kiara Management Corporation*,²⁸ plaintif telah mengemukakan tuntutan terhadap defendan atas kerosakan kereta berjenama Audi miliknya disebabkan dihempap pokok yang tumbang sewaktu hujan lebat berdekatan pintu masuk pusat beli belah milik defendan. Mahkamah Sesyen

²⁶ [2014] 9 CLJ 861

²⁷ [2024] MLJU 2096.

²⁸ [2025] MLJU 1732.

Kuala Lumpur telah memerintahkan defendan membayar sejumlah RM 60,154.00 kepada plaintif disebabkan keculasan defendan dalam menyelenggara pokok yang tertanam di kawasan premis miliknya bahkan Majistret menolak hujahan defendan yang menyatakan kejadian tersebut merupakan *act of God* kerana defendan sendiri telah mengetahui risiko pokok tersebut untuk tumbang tetapi masih tidak mengambil apa-apa tindakan.

Berdasarkan kes-kes tersebut, peranan pihak berkuasa tempatan perlu dimainkan dengan baik berdasarkan tanggungjawab dan kuasa yang diperuntukkan dalam undang-undang dalam memastikan kesejahteraan orang awam terus terjaga dan risiko bahaya dapat dikurangkan. Penyelenggaraan dan pantauan jalan raya serta kawasan awam perlu dibuat demi keselamatan pengguna jalan raya yang sememang terletak di bawah tanggungjawab pihak berkuasa tempatan dalam menyediakan fasiliti dan infrastruktur yang terbaik kepada rakyat secara amnya.

PEMBELAAN: IMUNITI DAN *FORCE MAJEURE*

1) Imuniti

Imuniti merujuk kepada keadaan yang membolehkan seseorang dilindungi dan dikecualikan daripada sesuatu pendakwaan. Lazim bagi sesebuah pentadbiran mewujudkan imuniti bagi badan pelaksana adalah demi menjaga keselamatan ketika mereka menjalankan tugas sekaligus memudahkan tanggungjawab mereka untuk dilaksanakan. Hal ini dikatakan demikian kerana para penguatkuasa khususnya ahli pihak berkuasa tempatan sentiasa terdedah dengan pelbagai cabaran yang tidak boleh dijangka seterusnya meletakkan diri mereka dalam posisi yang boleh diancam sama ada bahaya kemalangan, risiko disaman dan bermacam-macam lagi. Oleh itu, peranan imuniti begitu penting supaya setiap pihak masih dilindungi selayaknya dengan prinsip keadilan sekiranya terdapat apa-apa yang tidak diingini berlaku. Pada asalnya, konsep imuniti berasal daripada doktrin yang mengemukakan idea bahawa sesebuah badan rasmi kerajaan tidak boleh dikenakan tindakan sekiranya berlaku kecuaiian ketika menjalankan tugas. Doktrin ini bersandarkan kepada legal maxim iaitu "*the king can do no wrong*" berasaskan tanggapan bahawasanya dana awam tidak sepatutnya digunakan untuk membayar wang pampasan terhadap kemalangan yang menimpa seseorang individu. Di Malaysia, pihak berkuasa tempatan sememangnya mempunyai imuniti yang tersendiri yang telah dipasak dalam undang-undang seperti Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 dan dalam seksyen tertentu seperti seksyen 95 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan seksyen 125 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Peruntukan-peruntukan ini menterjemahkan kehendak penggubal undang-undang untuk melindungi pihak berkuasa awam daripada sebarang tindakan litigasi sehingga boleh menjejaskan keberkesanan pengurusan dan pentadbiran.

Konsep imuniti dapat dilihat secara jelas daripada kes *Steven Phoa Cheng Loon & Ors V Highland Properties Sdn Bhd & Ors*.²⁹ Kes ini pernah menggemparkan satu negara pada tahun 1993 apabila apartmen Highland Towers runtuh dan telah mengorbankan 48 nyawa dan menyebabkan kerugian harta benda yang mencecah nilai yang tinggi. Dalam prosiding ini, salah satu pihak defendan iaitu pihak berkuasa tempatan berhujah menggunakan seksyen 95(2) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 yang memberikan imuniti daripada dikenakan tindakan undang-undang bagi perbuatan atau ketinggalan yang dibuat dengan suci hati sewaktu dalam pelaksanaan tanggungjawab statutori. Pada akhirnya, Mahkamah Persekutuan mengekalkan keputusan dan pendekatan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan yang menerima hujah berkenaan imuniti pihak berkuasa tempatan selain menegaskan bahawa imuniti tersebut tidak bersifat mutlak dan mempunyai had terhad. Hakim Mahkamah Persekutuan menerima bahawa imuniti yang dimaksudkan boleh terpakai secara terhad terhadap tindakan pihak berkuasa tempatan sebelum Blok 1 Highland Tower runtuh disebabkan tindakan tersebut masih dianggap dalam konteks semasa pelaksanaan tanggungjawab statutori dan pentadbiran yang dilindungi undang-undang. Dalam penghakimannya, Mahkamah Persekutuan juga menegaskan bahawa imuniti tersebut tidak lagi terpakai sebaik sahaja risiko bahaya diketahui secara nyata dan jelas berlaku iaitu selepas runtuhnya Blok 1 tersebut, Blok 2 dan 3 akan mengalami kejutan yang sama dan dalam jangkaan terdekat. Oleh hal yang demikian, kegagalan pihak berkuasa tempatan untuk mengambil tindakan yang munasabah dalam kadar segera boleh disifatkan sebagai cuai dan menggugurkan prinsip imuniti daripada terpakai. Jelasnya, pihak berkuasa tempatan dalam kes ini tetap dipertanggungjawabkan bagi keruntuhan blok 2 dan 3 kerana tiada tindakan segera diambil terhadap Blok 2 dan 3 sedangkan implikasi runtuh dapat dijangka pada blok-blok berkenaan.

Berdasarkan kes *Steven Phoa Cheng Loon & Ors lwn Highland Properties Sdn Bhd & Ors*, imuniti pihak berkuasa awam di bawah seksyen 95(2) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 tidak bersifat mutlak, sebaliknya terhad kepada perbuatan atau ketinggalan yang dilakukan dengan suci hati dalam pelaksanaan tanggung jawab statutori. Dalam kes tersebut, Mahkamah telah membezakan antara tindakan sebelum dan selepas berlakunya runtuhan, dengan memutuskan bahawa walaupun imuniti boleh terpakai bagi keputusan pentadbiran dan kawal selia sebelum bencana, imuniti tersebut akan tergugur apabila pihak berkuasa mempunyai pengetahuan jelas tentang bahaya yang bakal berlaku tetapi gagal mengambil tindakan munasabah dalam kadar segera. Kegagalan bertindak selepas runtuhan disifatkan sebagai kecuai bersifat operasi yang menimbulkan liabiliti dalam tort, sekali gus menegaskan bahawa imuniti statutori bukanlah lesen untuk berdiam diri apabila keselamatan awam terancam.

²⁹ [2000] 4 MLJ 200.

Imuniti bagi pihak berkuasa tempatan tidak terpakai sekiranya risiko kecelakaan telah diketahui dengan jelas tetapi tindakan sewajarnya tidak dibuat dalam kadar segera. Imuniti yang diperuntukkan dalam perundangan kepada mereka tidak bersifat mutlak dan mempunyai had sempadan tertentu. Umumnya, doktrin imuniti boleh digunakan sekiranya pihak berkuasa awam sedang menjalankan tanggungjawab statutori atau tugas pentadbiran yang sah, dilakukan dengan suci hati dan melibatkan pertimbangan dasar atau polisi. Pihak mahkamah tidak cenderung untuk mencampuri keputusan pihak berkuasa awam kerana tindakan mereka melibatkan pembuatan polisi yang melibatkan kepentingan awam yang memerlukan pelbagai pertimbangan yang kompleks.

2) *Force Majeure* atau Bencana Alam

Pembelaan *force majeure* atau *act of God* merupakan dalihan utama yang sering dikemukakan oleh defendan, termasuk PBT. Konsep ini merujuk kepada kejadian alam semula jadi yang luar biasa, tidak dapat dijangka, dan tidak dapat dielakkan melalui tindakan penjagaan yang munasabah. Secara prinsip, jika pokok tumbang disebabkan oleh kejadian di luar kawalan manusia seperti ribut petir yang melampau atau gempa bumi, PBT boleh dilepaskan daripada tanggungjawab kecuaiannya kerana ia bukan berpunca daripada kegagalan menjalankan kewajipan penjagaan statutori. Walau bagaimanapun, pembelaan ini tidak bersifat mutlak dan akan ditolak oleh mahkamah sekiranya PBT didapati cuai kerana gagal mengambil tindakan pencegahan ke atas pokok yang berisiko, terutamanya apabila mereka sedia maklum atau sepatutnya menyedari kelemahan pokok tersebut.

Hakim sentiasa menimbang hujahan pembelaan yang sentiasa mengemukakan alasan *act of God* seperti dalam kes *Batang Kali Estates Sdn Bhd lwn Romani Bte Abdul Aziz*.³⁰ Mahkamah Majistret menolak pembelaan defendan yang beralasan kejadian pokok getah tumbang yang menyebabkan kematian suami plaintif adalah berpunca daripada ribut dan hujan lebat. Seterusnya, rayuan dibuat sehingga ke peringkat Mahkamah Persekutuan dan Hakim telah mengagkas keputusan Mahkamah Majistret dan memutuskan bahawa pihak defendan tidak bertanggungjawab dalam kejadian tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana penghakiman menyatakan bahawa defendan hanya bertanggungjawab sekiranya mereka mengetahui atau menyedari bahawa pokok itu berisiko. Hakim merujuk kepada pembuktian yang menunjukkan pokok tersebut tidak berpenyakit yang menyebabkan kewajipan untuk memantau dan memotong pokok tersebut tidak timbul. Beralih kepada kes *Thean Chew, Abdul Wahab dan Hay Me Kian* yang dibincangkan sebelum ini, Hakim-Hakim telah menolak hujah *act of God* sebagai alasan untuk mengenakan liabiliti kepada defendan.

³⁰ [1995] 3 MLJ 104.

Merujuk kepada kes-kes tragedi pokok tumbang yang telah mengakibatkan pelbagai senario kecelakaan, setakat ini masih tidak dapat ditemukan penghakiman yang menerima pembelaan bagi pihak berkuasa tempatan di bawah seksyen-seksyen undang-undang yang sedia ada yang memberikan imuniti kepada pihak berkuasa tempatan. Hakikatnya, perundangan tort di negara kita seakan seragam dalam menerima konsep imuniti yang terpakai pada pihak berkuasa awam hanya bersifat tidak mutlak dan mempunyai had sempadan tertentu. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap bentuk dan kronologi tragedi ini mempunyai corak peristiwa yang sama yang mana kemalangan disebabkan pokok tumbang akibat penyakit yang dialami pokok tersebut. Contohnya akar yang reput, batang pokok yang lemah, dahan yang telah melangkaui had yang sepatutnya serta jangka umur pokok yang sudah terlalu tua. Kesemua masalah ini sebenarnya boleh dikenalpasti oleh pihak berkuasa tempatan sekiranya mereka menjalankan tugas penyelenggaraan pokok-pokok awam dan memantau tahap kesihatan pokok dari masa ke semasa. Justeru, langkah-langkah yang sewajarnya perlu diambil oleh pihak berkenaan supaya kejadian malang ini tidak terus berulang. Perancangan dalam menangani konflik ini secara berkesan perlu bersifat praktikal dan bukan sekadar teori yang hanya dibentangkan dalam pelan semata-mata sebaliknya perubahan keseluruhan daripada aspek pentadbiran, pelaksanaan dan penambahbaikan standar operasi sedia ada agar pendekatan penyelesaian secara holistik dapat dibuat.

ANALISIS

Dalam insiden membabitkan kecederaan dan kematian akibat pokok tumbang, pihak mangsa wajar mendapat pembelaan dan gantirugi yang sewajarnya. Pihak PBT dengan tanggungjawab yang diberikan oleh statut seringkali didapati bertanggung sama ada secara persendirian atau bersama dengan pihak lain. Adalah malang bagi pihak PBT sekiranya insiden ini berlaku secara berleluasa tanpa langkah-langkah pencegahan diambil bagi mengelakkannya berterusan berlaku. Bagi mangsa, saluran undang-undang tort boleh digunakan untuk menuntut ganti rugi berasaskan kausa kecuaiian, di mana penentuan liabiliti PBT bergantung kepada pembuktian tiga elemen utama: kewujudan kewajipan penjagaan yang terbit daripada tanggungjawab statutori di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133); pelanggaran kewajipan ini, dan kerugian yang boleh dijangka yang dialami oleh mangsa. Tambahan pula, mahkamah sering melihat kepada tanggungjawab statutori untuk memastikan PBT tetap bertanggungjawab atas kesilapan/kecuaiian kontraktor atau pihak yang dilantik, sekali gus menegaskan tanggungjawab hakiki mereka terhadap keselamatan awam.

Walaupun perundangan sivil menawarkan pembelaan seperti imuniti dan *force majeure* atau *act of God*, keputusan mahkamah secara konsisten menunjukkan bahawa pembelaan ini tidak bersifat mutlak. Imuniti akan tergugur apabila PBT gagal mengambil

tindakan munasabah selepas mengetahui atau sepatutnya mengetahui tentang risiko pokok yang berisiko, menekankan bahawa kewajipan penjagaan PBT adalah bersifat operasi dan berterusan, mengatasi sebarang alasan polisi (*fair, just and reasonable*) apabila keselamatan awam terancam.

Dari perspektif Syariah, keseluruhan tanggungjawab PBT dalam pengurusan pokok awam adalah tuntutan moral dan agama yang berpaksikan kepada prinsip-prinsip tadbir urus yang utuh. Tiga prinsip utama yang terlibat adalah *Maslahah Ammah* (kepentingan awam), *Daf' al-darar* (pencegahan kemudaratannya), dan *Amanah* (akauntabiliti). Prinsip *Daf' al-darar* (kemudaratannya hendaklah dihilangkan) dan kaedah Menolak kerosakan didahulukan daripada mengambil masalah meletakkan keutamaan mitigasi risiko pokok tumbang lebih tinggi daripada nilai estetika atau faedah lain. Justeru, kegagalan PBT untuk memantau dan bertindak ke atas pokok berisiko terutamanya selepas notifikasi atau amaran cuaca ekstrem dianggap sebagai pencabulan *Amanah*. Dalam konteks ini, undang-undang tort berfungsi sebagai mekanisme duniawi untuk menguatkuasakan tanggung jawab moral Syariah tersebut, di mana liabiliti undang-undang yang dikenakan ke atas PBT adalah selaras dengan tuntutan Syariah untuk memastikan kemaslahatan dan keselamatan orang awam terpelihara.

KESIMPULAN

Berasaskan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa secara amnya, PBT bertanggungjawab sekiranya berlaku insiden pokok tumbang dan menimpa orang awam, dan pokok terbabit berada di dalam kawasan penyelenggaraan PBT. Justeru, pertama sekali perlu dikenal pasti siapakah pemilik pokok yang tumbang itu. Undang-undang menetapkan liabiliti melalui kewajipan penjagaan statutori yang jelas di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Keputusan mahkamah konsisten dalam menegaskan bahawa imuniti statutori PBT tidak bersifat mutlak dan boleh tergugur sekiranya terdapat kegagalan bertindak selepas mengetahui risiko bahaya. Perkara ini selari dengan kerangka Syariah, di mana pengurusan pokok awam adalah tuntutan moral dan agama yang berlandaskan prinsip *Maslahah Ammah* (kepentingan awam), *Daf' al-darar* (pencegahan kemudaratannya), dan *Amanah* (akauntabiliti). Liabiliti undang-undang yang dikenakan ke atas PBT berfungsi sebagai mekanisme duniawi untuk menguatkuasakan akauntabiliti ini, memastikan kepentingan dan keselamatan awam diutamakan. Bagi mengurangkan risiko tragedi ini secara berkesan, PBT perlu mengamalkan pendekatan pengurusan yang lebih holistik dan sistematik. Ini merangkumi penyelenggaraan berkala, pelantikan arboris bertauliah, dan penguatkuasaan garis panduan sedia ada. Tindakan tegas dan berterusan ini adalah penting untuk menunaikan tanggungjawab dan amanah serta menjamin kesejahteraan dan keselamatan masyarakat.

RUJUKAN

- “Liability of Municipal Corporations for Negligence.” *Harvard Law Review* 25, no. 7 (1912): 646–47.
- “Municipal Corporations-Liability for Negligence in Maintenance of Swimming Pools and Parks-Governmental and Proprietary Functions.” *Michigan Law Review* 34, no. 8 (1936): 1250-52.
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf. *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn min Kalām Sayyid al-Mursalīn*. Taḥqīq ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī. Bayrūt: Mu’assasat al-Risālah, 2010.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān. *al-Ashbah wa al-Nazā’ir fī Qawā’id wa Furū’ Fiqh al-Shāfi’ī*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1983.
- Al-Zuḥaylī, Muḥammad Muṣṭafā. *al-Qawā’id al-Fiqhiyyah wa Taṭbīqātuhā fī al-Madhāhib al-Arba’ah*. Dimashq: Dār al-Fikr, 2006.
- Bennett, L. “Trees and Public Liability-Who Really Decides What Is Reasonably Safe?” *Arboricultural Journal* 33 (2010): 141–64.
- Bernama. “PM Anwar arah tanam 100 pokok gantikan pohon terpaksa ditebang.” *Astro Awani*, May 15, 2024. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pm-anwar-arrah-tanam-100-pokok-gantikan-pohon-terpaksa-ditebang-470680>.
- Borchard, E. M. “Government Liability in Tort.” *Yale Law Journal* 34, no. 1 (1924): 1–45.
- Fareez Azman. “Pemandu maut, pacuan empat roda dihempap pokok tumbang.” *Buletin TV3*, 20 Oktober 2025. <https://www.buletintv3.my/nasional/pemandu-maut-pacuan-empat-roda-dihempap-pokok-tumbang/>. Diakses 11 Januari 2026.
- Hadi, Arni Nadhirah Abdul, Nurul Huda Mohd Salleh, Mohamad Shahrudin Rosdi, Tan Gim Mei, Khaled Emhmed Shibani, and Majed Ahmad Ibrahim. *Local Authority Jurisdiction and Liability on Tree*. School of Housing, Building and Planning, Universiti Sains Malaysia, 2015.
- Hill, K. N., Jr. “Municipal Corporations-Tort Liability of Municipal Corporations.” *North Carolina Law Review* 36, no. 1 (1957): 97–101.

- Hussey, J. B., Jr. "Local Government-Torts-Immunity of Municipality from Liability for Negligence." *Louisiana Law Review* 16, no. 4 (1956): 812-17.
- Ismail, Siti Zubaidah. "Kecuaian Perubatan Menurut Undang-Undang Tort dan Autoriti Mengenainya dari Sudut Syariah." *Jurnal Syariah* 19, no. 2 (2011): 133–62.
- _____. *Pampasan Kecederaan Fizikal Akibat Kecuaian Menurut Perundangan Islam*. International Law Book Services, 2017.
- Kamal Azira, Anis Syafini, Aliya Safiya Aidzil Adzahar, Hannah 'Atikah Jalil Husni, Dania Arisha Mohd Azri, Nur Ain Nadya Mohd Khairi, and Adibah Ali. "The Fallen Tree: Clarifying Responsibilities for Effective Urban Tree Management." *Asian Journal of Research in Education and Social Sciences* 7, no. 2 (2025): 415-426.
- Knuth, L. *Legal and Institutional Aspects of Urban, Peri-Urban Forestry and Greening: A Working Paper for Discussion*. Food and Agriculture Organization of the United Nations, September 2005.
- Mālik Ibn Ānas. *al-Muwattā'*. Vol. 2. n.p.: Mu'assasah al-Risālah, 1412 AH.
- McElhaney, I. J. "If a Tree Falls in a Roadway, Is Anyone Liable? Proposing the Duty of Reasonable Care for Virginia's Road-Maintaining Entities." *Washington and Lee Law Review* 76, no. 1 (2019): 509–54.
- Meor Riduwan Meor Ahmad. "Penunggang p-hailing maut, pemandu cedera dihempap pokok tumbang." *Buletin TV3*, 6 Disember 2025. <https://www.buletintv3.my/nasional/penunggang-p-hailing-maut-pemandu-cedera-dihempap-pokok-tumbang/>. Diakses 11 Januari 2026.
- Merullo, V. "Liabilities and Duties Associated with Trees Which Abut Streets and Highways." *Journal of Arboriculture* 14, no. 5 (1988): 129–31.
- Newsdesk. "KPKT sedia bantu peruntukkan PBT yang ada masalah kewangan untuk uruskan pokok tua." *Malaysia Tribune*, May 28, 2024. <https://malaysiatribune.news/berita-semasa/kpkt-sedia-bantu-peruntukkan-pbt-yang-ada-masalah-kewangan-untuk-uruskan-pokok-tua/>.

- Norfanieza binti Muhd Ariffin. "Pokok Tumbang: Antara Keperluan Alam Sekitar dengan Keselamatan Awam." *Dewan Kosmik*, May 30, 2024. <https://dewankosmik.jendeladb.my/2024/05/30/12020/>
- Norfarhiza Mohd Atar. "Tragedi pokok tumbang: jenazah Mohd Radzi, tiga ahli keluarga selamat dikebumi." *Kosmo Online*, 4 Ogos 2026. <https://www.kosmo.com.my/2026/08/04/tragedi-pokok-tumbang-jenazah-mohd-radzi-tiga-ahli-keluarga-selamat-dikebumi/>. Diakses 1 September 2026.
- Pelan Pengurusan Pokok Rendang*. Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, n.d.
- Pelan Strategik Pengurusan Risiko Pokok Teduhan Kuala Lumpur 2024-2030*. Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, n.d.
- Rashid, Z. Z. A., F. Baharum, R. Ismail, A. A. Hussin, and H. Hanafi. "An Overview on Issues Related to Fallen Trees in Malaysia." *Advances in Environmental Biology* 9, no. 4 (2015): 99-101.
- Roberts, Sally A. "Trees and the Law." 2013. <http://www.sallyrobertslegal.com/personal-injury-articles.htm>
- Rogers, W. V. H. *Winfield and Jolowicz on Tort*. 15th ed. London: Sweet & Maxwell, 1998.
- Safeek Affendy Razali. "Lelaki maut, wanita cedera akibat pokok tumbang di KL." *Berita Harian Online*, 22 Oktober 2025. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1462042/lelaki-maut-wanita-cedera-akibat-pokok-tumbang-di-kl>. Diakses 11 Januari 2026.
- Steiner, J. E. "Guardians of Municipal Public Trees: Commonwealth of Massachusetts Tree Wardens' Authority and Accountability." *Western New England Law Review* 38 (2016): 377-95.
- Taylor, F. L. "The Liabilities of a Municipal Corporation for the Negligence of a Servant." Master's thesis, Cornell Law School, 1896. [Scholarship@Cornell Law: A Digital Repository](https://scholarship.cornell.edu/cornell-law).